

# KPT-CAP bantu kebolehpasaran graduan

**Kuala Lumpur:** Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) - Program Kemajuan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT-CAP) mampu merancakkan ekonomi domestik seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan.

Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Azali Mohamed berkata, program yang diperkenalkan bawah KPT-CAP mampu melahirkan tenaga kerja kompeten dalam masa singkat.

Katanya, pendekatan *Place and Train* akan membolehkan graduan menempatkan diri dalam industri secepat mungkin dan menterjemah kemahiran yang dipelajari dalam tempoh latihan itu serta memberi nilai tambah kepada ilmu diperoleh di institusi tempat mereka belajar sebelumnya.

"Contohnya, jika seseorang graduan itu belajar pengaturcaraan komputer di universiti, dia berpeluang meningkatkan lagi kemahiran menerusi latihan yang

Program ini mampu memberi manfaat kepada kira-kira 20,000 graduan"

Prof Dr Azali

disertai di Penjana KPT-CAP.

"Mungkin seterusnya golongan ini boleh bekerja di syarikat terkemuka selepas mendapat pendedahan pihak industri atau membuka peluang pekerjaan kepada orang lain," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Pelan Penjana KPT-CAP yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini.

Penjana KPT-CAP yang dijadualkan bermula pada bulan ini akan dikendalikan oleh ahli akademik, pengamal dan pemain industri di institusi pengajian tinggi terpilih di seluruh negara, bertujuan membantu graduan



an menganggur pada 2019 dan mereka yang telah menamatkan pengajian pada 2020.

Pelan yang menerima peruntukan RM100 juta bagi menangani isu graduan menganggur itu merangkumi tiga subprogram iaitu *Place and Train* (skim latihan dan penempatan), keusahawanan dan ekonomi gig.

Mengulas lanjut, Azali berkata, kini pasaran kerja memerlukan pekerja yang berdaya saing dan mempunyai pelbagai kemahiran

atau multitasking.

Melalui latihan bawah pelan itu, katanya, pihak industri akan dapat pekerja yang berkemahiran dalam kadar segera.

"Tidak mustahil juga program ini dapat melahirkan usahawan yang lebih kreatif terutama dalam dunia pemasaran digital dan ekonomi gig," katanya.

Azali berkata, beliau diharap supaya program yang diperkenalkan buat julung kali itu berterusan diusahakan oleh kerajaan dan bukan sekadar *one-off* kerana biarpun ini adalah impak daripada wabak Covid-19, namun kadar pengangguran tetap perlu dikurangkan.

"Program ini mampu memberi manfaat kepada kira-kira 20,000 graduan, namun secara keseluruhan seramai 116,161 graduan 2019 dan tahun ini yang perlu diberi perhatian, justeru memang wajar program ini diteruskan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka terutama dalam keadaan sukar seperti sekarang," katanya.

## KitaPrihatin

Kerangka Inisiatif Tambahan Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

### GERAN KHAS PRIHATIN (PEMBUKAAN SEMULA)

ANGGARAN PENERIMA  
(PKS MIKRO)

200,000

BANTUAN ONE-OFF  
RM 3,000 setiap PKS mikro

### KRITERIA KELAYAKAN UTAMA




Memenuhi definisi PKS Mikro

Berdaftar dengan LHDN, PBT atau SSM sehingga 31 Ogos 2020

Pemohon tidak pernah menerima GKP

TEMPOH PERMOHONAN



1-31 OKTOBER 2020

### PEMBAYARAN



NOVEMBER 2020



RAYUAN

DISEMBER 2020

